



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor di Negeri Selangor Darul Ehsan yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam kelas, kepala dan sub kepala berkaitan dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam gred dan kategori yang berkenaan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut:-

Bil	Butir Sebutharga	Syarat Sebutharga	Maklumat Taklimat	Tarikh Iklan Dibuka	Tarikh Iklan Ditutup
1	JBPM/SL/SH/(S)/81-2015 Kerja-Kerja Penggantian Struktur Bumbung Surau Serta Rumah Ketua Balai Yang Reput Akibat Anai-Anai Di Balai Bomba Dan Penyelamat Sungai Besar Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Selangor Darul Ehsan	DIBUKA KEPADA KONTRAKTOR BERDAFTAR DI DAERAH SELANGOR UTARA Berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM//CIDB) dalam Gred G1, Kategori B (Kerja Bangunan) Pengkhususan B24 (Kerja Penyelenggaraan Bangunan)	Tarikh: 11.09.2015 (Jumaat) Masa: 10.00 pagi Lokasi Bilik Mesyuarat Dahlia, Aras 1 JBPM Negeri Selangor Kehadiran : WAJIB	Tarikh: 09.09.2015 (Rabu)	Tarikh: 15.9.2015 (Isnin) Jam: 12.00 Tengahari

2. Dokumen Sebut Harga ini boleh diperolehi di **Unit Kewangan Aras 2, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Selangor** pada waktu pejabat (**8.30 pagi hingga 1.00 tengah hari dan 2.00 petang hingga 4.30 petang**) mulai **11 September 2015 (Jumaat)**. Dokumen Sebut Harga akan dikeluarkan hanya kepada petender yang menghadiri taklimat.

3. Kontraktor hendaklah membawa Sijil Asal masih sah bagi **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor/Sijil Pendaftaran** dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**, serta **Sijil Kontraktor Bertaraf Bumiputera** dengan **PKK** (jika ada) hendaklah ditunjukkan semasa mendapatkan dokumen Sebut Harga dan salinan fotostat hendaklah dikemukakan untuk simpanan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor.

4. **Dokumen Sebut Harga** tidak akan dikeluarkan kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil tersebut.

5. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandakan dengan Tajuk dan Nombor Sebut Harga di atas sampul surat. Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Unit Kewangan Aras 2, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Selangor, No.3, Persiaran Tebar Layar, Bukit Jelutong, Seksyen U8, 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan** pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari, **15 September 2015 (Isnin)**. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen Sebut Harga yang dikemukakan melalui pos. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor juga tidak terikat untuk menerima tawaran rendah atau mana-mana tawaran.

6. Iklan di atas juga boleh diakses dengan melayari laman web rasmi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di alamat www.bomba.gov.my

Tarikh : **9 September 2015**

Tandatangan :

Nama Pegawai :

Jawatan :



OTHMAN BIN ABDULLAH
Pegarah

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia
Negeri Selangor Darul Ehsan